

SMART jalankan ujian integriti stuktur terowong

KUALA LUMPUR 4 Ogos - Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn. Bhd. (SMART) menjalankan ujian integriti stuktur berkala di dalam terowongnya untuk memastikan segala peralatan berfungsi dengan baik.

Penolong Pengurus Besar Perhubungan Awam dan Operasi Tol SMART, Mohd. Noor Mohd. Ali berkata, ujian itu dibuat lima tahun sekali dengan memeriksa setiap inci terowong berfungsi menangani masalah banjir dan kesesakan jalan raya di ibu kota.

“Ujian ini mengambil masa lama sehingga setahun untuk menilai kerosakan serta menggantikan peralatan-peralatan yang rosak.

“Ini bertujuan memastikan terowong ini sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat serta memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya,” katanya ketika ditemui dalam Majlis Hari Raya SMART di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Eksekutif SMART, Sharifah Alauyah Wan Othman.

Beliau berkata, bagi mengelak masalah kesesakan jalan raya, operasi itu hanya dijalankan pada waktu malam dengan menutup



SHARIFAH ALAUYAH WAN OTHMAN (dua dari kanan) bersama Mohd. Noor Mohd. Ali (dua dari kiri) bermesra dengan tetamu dalam Majlis Rumah Terbuka SMART di Kompleks Operasi & Penyelenggaraan Lebuhraya SMART, Kuala Lumpur, kelmarin.

laluhan terowong berkenaan.

Berhubung isu banjir kilat yang melanda ibu kota, Mohd. Noor berkata, pihaknya tidak sepatutnya dipersalahkan kerana kejadian itu berlaku di luar kawasan SMART dan bukan di bawah tanggungjawab pihaknya.

“Fungsi terowong dwifungsi yang dibuka pada 2007 ini bukan

bertujuan mengatasi masalah banjir kilat itu tetapi jalan penyelesaian kepada limpahan air daripada Sungai Klang dan Ampang.

“Bagaimanapun, kami sentiasa berkomunikasi dengan pihak-pihak berkaitan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah yang dihadapi penduduk kota,” katanya lagi.